

**PROSEDUR PENILAIAN
ANUGERAH NILAM PERINGKAT DAERAH PONTIAN**

**PROSEDUR PENILAIAN
ANUGERAH NILAM PERINGKAT DAERAH PONTIAN
TAHUN 2017**

1.0 SYARAT KELAYAKAN CALON

- 1.1 Setiap calon perlu memenuhi kriteria pencalonan peserta Anugerah NILAM Daerah Pontian Tahun 2017 yang telah ditetapkan.

2.0 KAEADAH PENILAIAN

Penilaian akan dilaksanakan dalam dua (2) peringkat iaitu peringkat saringan dan peringkat akhir.

2.1 PERINGKAT SARINGAN

Peringkat saringan akan dilaksanakan mulai 17 Januari 2017 sehingga 24 Januari 2017 di peringkat zon Pusat Kegiatan Guru masing-masing.

Semua calon perlu melalui peringkat saringan dan hanya lima (5) calon yang memperoleh markah tertinggi di setiap kategori dalam peringkat saringan layak untuk ke peringkat akhir.

2.1.1 PENILAIAN FOLIO

Penilaian folio akan dinilai bagi penentuan lima (5) calon yang layak mewakili zon ke peringkat daerah bagi setiap kategori.

2.1.2 MARKAH PENILAIAN PERINGKAT SARINGAN

2.1.2.1 Ketua PKG akan memasukkan semua markah dalam borang markah.

2.1.2.2 Markah penuh bagi kesemua penilaian adalah 100%.

2.1.2.3 Jika berlaku markah yang sama, Ketua PKG perlu melihat penyertaan di peringkat tertinggi.

**PROSEDUR PENILAIAN
ANUGERAH NILAM PERINGKAT DAERAH PONTIAN**

2.2 PERINGKAT AKHIR

Lima (5) calon setiap kategori di peringkat saringan dari setiap zon yang terpilih akan ke peringkat akhir.

2.2.1 PENILAIAN INDIVIDU (50%)

- i) Setiap calon dipanggil mengikut jadual yang ditetapkan mengikut cabutan undi masing-masing.
- ii) Calon dikehendaki memilih satu sampul surat yang mengandungi tajuk dalam bahasa Melayu bagi kategori bahasa Melayu dan bahasa Inggeris bagi kategori bahasa Inggeris.
- iii) Calon diberi masa selama **5** minit untuk membuat persediaan di meja yang disediakan di bilik menunggu sebelum dipanggil ke bilik penilaian.
- iv) Selepas tamat **5** minit, calon diiring ke bilik penilaian.
- v) Persembahan calon adalah dalam bentuk terbuka seperti:
 - a. Cerita
 - b. Syair
 - c. Gurindam
 - d. Seloka
 - e. Sajak
 - f. Pidato
 - g. Puisi
 - h. Drama
- vi) Calon diberikan masa selama **5** minit untuk membuat persediaan.
- vii) Loceng pertama akan dibunyikan sekali pada minit pertama sebagai tanda bermulanya sesi persediaan.
- viii) Loceng kedua akan dibunyikan dua kali pada minit ke-5 sebagai tanda bermulanya sesi persembahan.
- ix) Loceng ketiga akan dibunyikan tiga kali pada minit ke-10 selepas loceng kedua dibunyikan.
- x) Tiada markah akan diberikan selepas loceng ketiga dibunyikan.

**PROSEDUR PENILAIAN
ANUGERAH NILAM PERINGKAT DAERAH PONTIAN**

- xi) Panel penilai akan mengemukakan 1 atau 2 soalan berkaitan tajuk dan calon perlu menjawab ke semua soalan yang dikemukakan secara lisan.
 - xii) Setelah tamat sesi ini, panel penilai akan meminta calon kembali semula ke bilik menunggu.
 - xiii) Panel penilai akan melengkapkan borang markah dan menyerahkannya kepada Pengurus Markah sebelum memanggil calon yang seterusnya.
- i) Markah penilaian individu adalah berdasarkan ‘impression marking’ (penilaian berasaskan kesan) yang mengambil kira item berikut:
- a) Isi kandungan dan pengolahan
 - b) Bahasa
 - c) Penyampaian / Keupayaan berkomunikasi dalam kumpulan
 - d) Ketokohan / Perwatakan

2.2.2 PENILAIAN KUMPULAN (30%)

- ii) Bahagian Penilaian Kumpulan dilaksanakan oleh panel penilai.
- iii) **Lima (5)** calon akan dipanggil serentak bagi penilaian kumpulan.
- iv) Giliran calon adalah berdasarkan giliran cabutan undi semasa pendaftaran.
- v) Panel penilai akan mempersilakan calon duduk.
- vi) Panel penilai akan menerangkan tatacara penilaian dilaksanakan
 - a) Calon akan diberikan satu tajuk perbincangan dalam bahasa Melayu (kategori bahasa Melayu) / bahasa Inggeris (kategori bahasa Inggeris).
 - b) Setiap tajuk perbincangan akan dibaca sebanyak 2 kali
 - c) Calon diberi masa selama 10 minit untuk bersedia

**PROSEDUR PENILAIAN
ANUGERAH NILAM PERINGKAT DAERAH PONTIAN**

- d) Mana-mana calon boleh membuat pembentangan apabila telah bersedia
 - e) Markah dikira bermula daripada perbincangan calon dalam kumpulan
 - f) Sekiranya semua calon tidak boleh menjawab tajuk yang dikemukakan, calon boleh memohon untuk diberikan tajuk yang baharu. Walau bagaimanapun, penalti akan dikenakan.
- vii) Panel penilai akan membantu calon melalui soalan-soalan yang menjurus kepada tajuk sekiranya calon dilihat tidak dapat mengembangkan idea.
- viii) Loceng pertama akan dibunyikan sekali pada minit pertama sebagai tanda bermulanya sesi persediaan.
- ix) Loceng kedua akan dibunyikan dua kali pada minit ke-10 sebagai tanda bermulanya sesi perbincangan.
- x) Loceng ketiga akan dibunyikan tiga kali pada minit ke-30 selepas loceng kedua dibunyikan.
- xi) Tiada markah akan diberikan selepas loceng ketiga dibunyikan.
- xii) Panel penilai mengucapkan terima kasih kepada semua calon setelah tamat penilaian.
- xiii) Markah penilaian kumpulan adalah berdasarkan **individu** iaitu ‘impression marking’ (penilaian berdasarkan kesan) yang mengambil kira item berikut:
- e) Isi kandungan dan pengolahan
 - f) Bahasa
 - g) Penyampaian / Keupayaan berkomunikasi dalam kumpulan
 - h) Ketokohan / Perwatakan
- xiv) Panel penilai akan melengkapkan borang markah dan menyerahkannya kepada Pengurus Markah sebelum memanggil kumpulan calon yang seterusnya.

**PROSEDUR PENILAIAN
ANUGERAH NILAM PERINGKAT DAERAH PONTIAN**

**2.2.3 KEMAHIRAN MEMBERIKAN PENDAPAT/ULASAN – BERTULIS
KARANGAN (20%)**

- i) Calon dikehendaki menulis pendapat atau ulasan berdasarkan tajuk yang diberikan dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu **1 jam** sahaja dan tidak lebih daripada
 - a) 100 patah perkataan bagi sekolah rendah
 - b) 150 patah perkataan bagi sekolah menengah
- ii) Calon hanya dibenarkan untuk menggunakan kertas jawapan yang disediakan oleh pihak urus setia sahaja.
- iii) Calon dikehendaki berhenti menulis sebaik sahaja panel penilai memaklumkan tempoh masa telah pun berakhir
- iv) Calon akan dinilai dari aspek-aspek berikut
 - a) Isi
 - b) Bahasa
 - c) Kaedah persembahan
 - d) Penyelesaian masalah (kaedah mengulas dan memberikan pendapat)

2.2.4 MARKAH PENILAIAN PERINGKAT AKHIR

- 2.2.4.1 Pengurus Markah akan memasukkan semua markah oleh panel penilai dalam borang markah
- 2.2.4.2 Markah penuh bagi kesemua penilaian adalah 100%
- 2.2.4.3 Jika berlaku markah yang sama, pengurus markah perlu merujuk kepada penilaian folio dan buku rekod bacaan.
- 2.2.4.4 Hanya tempat pertama hingga ketiga sahaja yang akan diumumkan sebagai pemenang bagi setiap kategori.

3.0 KEPUTUSAN PENILAIAN

- 3.1 Keputusan penilaian adalah muktamad.
- 3.2 Segala bantahan adalah tidak akan di terima.